KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

GARIS PANDUAN PERMOHONAN SIJIL PENGENALAN PEMANDU BAS KENDERAAN PERKHIDMATAN AWAM (INTERIM)

Pemberitahuan:

Garis panduan interim ini bertujuan untuk membantu pemohon, pengendali berlesen, pemegang lesen dan pihak-pihak yang berminat dalam permohonan sijil pengenalan pemandu bas kenderaan perkhidmatan awam. Garis panduan ini merangkumi perkara-perkara seperti syarat-syarat permohonan, keperluan dokumen, fi pelesenan dan perkara-perkara berkaitan. Maklumat pada dokumen ini adalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai nasihat perundangan atau dianggap sebagai menggantikan peruntukan perundangan. Agensi Pengangangkutan Awam Darat berhak untuk membuat pindaan atau perubahan pada dokumen ini tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

TARIKH: 24 JUN 2024

1. TUJUAN

1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan perkara berkaitan dengan proses pengeluaran sijil pengenalan pemandu bas kenderaan perkhidmatan awam kepada mana-mana pengendali bas berlesen seperti yang ditetapkan.

1.2 Garis panduan ini hanya terpakai di **Semenanjung Malaysia sahaja**.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Pengurusan Tertinggi MOT Bilangan 13 pada 3 April 2024 telah menetapkan untuk melaksanakan kad pemandu bas kepada pemandu bas kenderaan perkhidmatan awam. Susulan itu, Bahagian Darat bersama JPJ dan APAD telah mengadakan bengkel dan seterusnya perbincangan akhir pada 29 Mei 2024 yang mana telah mendapati terdapat keperluan meminda Kaedah-kaedah Kenderaan Perkhidmatan Awam (Pelesenan Dan Kelakuan Pemandu, Konduktor Dan Penumpang) 1959 bagi membolehkan dasar dan peraturan berkaitan kad pemandu bas dilaksanakan secara kekal dan menyeluruh.

2.2 Seterusnya pada 5 Jun 2024, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sewaktu mempengerusikan mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian Pengangkutan, Bilangan 17 Tahun 2024 telah mengambilmaklum akan tempoh masa yang diperlukan bagi menyelaras pindaan akta dan kaedah yang berkaitan. Pada masa yang sama, mesyuarat turut memutuskan untuk APAD meneruskan prosedur sediada untuk mengeluarkan kad pemandu bersaiz A4 kepada pemandu bas. Kad pemandu ini boleh dipaparkan di dashboard kenderaan untuk makluman penumpang bagi tujuan melaporkan isu berkenaan pemandu bas kepada JPJ.

2.3 Kad pengenalan pemandu bersaiz A4 ini adalah bersifat interim sementara menunggu penyelesaian kekal melibatkan pindaan akta dan kaedah yang dikenalpasti.

3. PEMAKAIAN

3.1 Garis panduan ini hendaklah diguna pakai pada tarikh kuat kuasa penggunaannya. Pemakaiannya tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

4. BENTUK LESEN

4.1 Lesen yang dikeluarkan adalah berbentuk Sijil Pengenalan bersaiz A4 dan mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut:

	Komponen	**Perincian Maklumat**
(i)	Sijil Pengenalan Pemandu Bas	Mengandungi maklumat-maklumat berikut: A. Maklumat Pemandu i. Nama pemandu ii. No. kad pengenalan pemandu iii. Tempoh kuatkuasa iv. Status pemandu B. Maklumat Syarikat i. Nama dan alamat syarikat ii. No. telefon syarikat iii. Emel syarika C. Syarat-Syarat Am
(ii)	Tempoh sah laku	Tempoh sah laku Sijil Pengenalan Pemandu Bas adalah 12 bulan bermula dari tarikh kelulusan

5. FI PROSES PERMOHONAN

5.1 Fi proses yang ditetapkan untuk permohonan adalah RM10 (Sepuluh Ringgit) bagi setiap pemandu bas setiap syarikat.

6. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

6.1 Adalah menjadi tanggungjawab syarikat yang memohon untuk sentiasa mematuhi syarat syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk beroperasi di Malaysia. Sebarang perlanggaran adalah tertakluk kepada perundangan semasa Kerajaan Malaysia.

6.2 Syarikat hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut sebelum permohonan dibuat dan sewaktu beroperasi:

(i) Permohonan sijil pengenalan pemandu hendaklah dibuat oleh syarikat pengendali bas yang berlesen dengan APAD di bawah kategori Kenderaan Perkhidmatan Awam untuk pemandu masing-masing sahaja

(ii) Pengendali bertanggungjawab untuk memastikan semua pemandu yang bekerja di bawah mereka, samada secara tetap atau separuh masa didaftarkan dan mempunyai Sijil Pengenalan Pemandu Bas yang dikeluarkan oleh APAD.

(iii) Pengendali perlu memastikan pemandu bas mematuhi semua keperluan undang-undang dan peraturan lalu lintas yang terkini.

(iv) Pengendali hendaklah mempamerkan Sijil Pengenalan Pemandu yang telah diluluskan oleh APAD, di lokasi yang sesuai di dalam bas yang boleh dilihat dengan jelas oleh penumpang.

(v) Pengendali hendaklah membatalkan Sijil Pengenalan Pemandu bas bagi pemandu yang tidak lagi bekerja di bawah mereka.

7. TATACARA PERMOHONAN DAN PIAGAM PELANGGAN

7.1 Permohonan sijil pengenalan pemandu hendaklah dibuat oleh syarikat pengendali bas yang berlesen dengan APAD di bawah kategori Kenderaan Perkhidmatan Awam untuk pemandu masing-masing sahaja.

7.2 Bagi mana-mana pengendali yang melantik wakil perlu mengemukakan surat rasmi dengan menggunakan kepala surat syarikat dan salinan kad pengenalan pengarah syarikat dan wakil bagi mengisytihar pegawai yang layak untuk menandatangani dokumen permohonan sebagai wakil pihak syarikat.

7.3 Pemohon boleh membuat permohonan di semua kaunter wilayah dan cawangan APAD di Seluruh Semenanjung.

7.4 Pemohon hendaklah memuat turun templat maklumat pemandu dari laman web APAD dan mengisi maklumat yang dikehendaki dalam format *microsoft excel.*

7.5 Pemohon hendaklah menyerahkan borang bersama dengan *thumbdrive* yang mengandungi maklumat senarai pemandu semasa membuat permohonan di kaunter APAD.

7.6 Tempoh proses permohonan dan kelulusan adalah 3 hari bekerja untuk permohonan kurang dari 20 pemandu, dan 7 hari bekerja untuk permohonan lebih dari 20 pemandu.

7.7 Sijil Pengenalan Pemandu Bas yang telah diluluskan akan diemail ke alamat email pengendali yang dinyatakan di dalam borang permohonan.

7.8 Bagi mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan sekiranya sebarang maklumat didapati palsu, APAD mempunyai hak untuk menolak permohonan tersebut atau sekiranya surat kelulusan telah dikeluarkan, ianya akan terbatal serta merta.